

07 JAN 1999

WAJAR KERAJAAN TIMBANG TUBUH BADAN SIASATAN BEBAS -- NIK AZIZ

TUMPAT, 7 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata kesediaan kerajaan untuk mengkaji cadangan supaya suruhanjaya bebas ditubuhkan untuk menyasat kecederaan yang dialami Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis, adalah langkah yang wajar.

Katanya langkah itu perlu kerana banyak pihak termasuk pada peringkat antarabangsa yang menunggu laporan hasil siasatan dan keputusan yang jelas mengenai kejadian melibatkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Pembangunan Kebajikan Pelajar, Pusat Persediaan Pengajian Universiti Timur Tengah di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mempertimbangkan cadangan daripada belbagai pihak supaya menubuhkan suruhanjaya bebas bagi menyasat dengan lebih lanjut kes kecederaan yang dialami oleh Anwar ketika ditahan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada 20 Sept lepas.

Desakan bagi penubuhan badan bebas itu dibuat ekoran kenyataan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dua hari lepas bahawa polis bertanggungjawab atas beberapa kecederaan Anwar, tetapi belum mengenal pasti individu yang menyebabkannya.

Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept lepas.

-- BERNAMA

MNR NMO